

**Cetakan Pertama – Ogos 2006**

Diterbitkan oleh:

*Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru (JPPG)*

**Hak Cipta Terpilihara.**

*Tidak dibenarkan ulang mana-mana bahagian artikel/bab/ilustrasi, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apapun sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapatkan keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.*

**ISBN: 983-2975-65-4**

**Kesediaan Profesionalisme Guru Novis: Cadangan Model Latihan**

Dr. Norasmah Othman  
Dr. Zamri Mahamod  
Dr. Hj. Mohammed Sani Ibrahim

Susun Atur Huruf: Zamri Mahamod & Mansor Ab. Samad  
Huruf: Times Roman 8, 9, 10, 11, Arial 11, 12,14

Dicetak oleh:

*Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, 2006*

## Kata Pengantar

### Pengerusi Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru 2006

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah atas kejayaan kumpulan penyelidik, iaitu gabungan daripada 12 IPTA dan Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia. Penyelidik dari UKM, UPM, UM, USM, UTM, UIA, UMS, UPSI, UUM, UiTM, KUITTHO dan OUM serta BPG ini telah berjaya menghasilkan satu buku penyelidikan berkaitan dengan guru novis.

Penyelidikan yang bertajuk *Kesediaan Profesionalisme Guru Novis: Cadangan Model Latihan* merupakan satu kolaboratif penyelidikan yang baik dan wajar diteruskan. Ini kerana kajian tentang guru novis ini kurang dijalankan oleh mana-mana IPT sama ada secara bersama ataupun individu. Jika kajian terdahulu (2005) memfokuskan kepada penilaian dalam latihan mengajar, tetapi kajian ini lebih bertujuan untuk mengkaji dan mengenal pasti (a) apakah masalah profesionalisme yang dihadapi oleh guru-guru novis ketika baru berkhidmat dalam perkhidmatan perguruan; (b) masalah sosialisasi yang dihadapi; (c) strategi yang digunakan dalam dalam pengajaran dan pembelajaran; (d) adakah guru novis menerima sistem sokongan; (e) cadangan mengatasi masalah profesionalisme yang dihadapi; dan (f) mencadangkan satu model latihan guru novis yang boleh diterima pakai oleh semua universiti dan institusi pendidikan guru di Malaysia. Dapatan kajian ini dapat memberi impak yang efisien, khususnya dalam mempertingkatkan mutu profesionalisme pendidik di negara kita. Dapatan kajian tentang masalah, sosialisasi, strategi dan sistem sokongan yang dihadapi oleh guru novis boleh dijadikan panduan dan rujukan bakal guru di Malaysia.

Tuntasnya, guru novis ialah guru baru yang perlu dibimbingan dan tunjuk ajar oleh mereka yang sudah lama berkecimpung dalam dunia pendidikan. Sekiranya guru novis diberi bimbingan dan tunjuk ajar sebenarnya, mungkin pada suatu hari nanti mereka akan menjadi pendidik yang cemerlang, gemilang dan terbilang pada bangsa, agama dan negara. Mereka jugalah yang akan mewarisi dan meneruskan perjuangan bangsa dan cita-cita negara.

Sekian, terima kasih.

Prof. Dr. Zakaria Kasa  
Dekan, Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia

*Merangkap*  
Pengerusi, Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru (JPPG) 2006

## Kata Pengantar

### Ketua Projek Penyelidikan Guru Novis 2006 Institut Pengajian Tinggi Awam

Buku yang membincangkan hasil kajian tentang *Kesediaan Profesionalisme Guru Novis Cadangan Model Latihan* ini adalah hasil kerjasama dan kolaboratif antara Penyelaras-Penyelaras Latihan Industri dan Amali daripada 12 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru (JPPG) dan Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia. Seramai 910 orang guru novis dijadikan responden kajian. Tujuan utama kajian adalah untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh guru novis di sekolah serta mencadangkan satu model latihan yang dapat diterima pakai oleh semua institusi pendidikan guru dalam usaha melahirkan guru novis yang berkualiti.

Dalam memastikan kajian ini berjalan seperti yang dirancang, jawatankuasa yang terdiri daripada Penyelaras-penyelaras Latihan Industri dan Amali IPTA telah mengadakan empat kali mesyuarat dan satu bengkel di Universiti Kebangsaan Malaysia. Jadual kerja kajian ditunjukkan seperti berikut:

1. Perbincangan kertas cadangan penyelidikan kepada semua Penyelaras Latihan Industri IPTA (31 Oktober 2005).
2. Penyelarasan instrument (5 Disember 2005).
3. Kajian rintis instrument kajian oleh KUITTHO (Januari – Februari 2006).
4. Pemurnian instrument (7 Mac 2006).
5. Pengumpulan data di lapangan (April – Jun 2006).
6. Analisis data (29 Jun 2006).
7. Bengkel penulisan hasil penyelidikan (28 – 30 Julai 2006).
8. Penerbitan hasil penyelidikan (Ogos 2006)

Daripada pertemuan yang diadakan, jawatankuasa penyelidikan telah mengagih-agihkan tugas mengikut soalan kajian bagi setiap IPTA.

1. Apakah masalah profesionalisme utama yang dihadapi guru novis? (UKM, UPM, UPSI & OUM).
2. Adakah terdapat perbezaan masalah profesionalisme yang dihadapi guru novis berdasarkan latar belakang demografi? (UKM, UPM, UPSI & OUM).
3. Bagaimana guru novis menggunakan sosialisasi profesionalisme dengan konteks di sekolah? (UUM, USM, UTM, CMS & KUITTHO).
4. Apakah strategi yang digunakan oleh guru novis dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah? (UM, UiTM, UIAM & BPG).
5. Apakah sistem sokongan yang diberikan bagi mengatasi masalah profesionalisme guru novis? (UM, UiTM, UIAM & BPG).

6. Apakah cadangan mengatasi masalah profesionalisme oleh guru-guru novis? (UUM, USM, UTM, UMS & KUITTHO).

Dengan kerjasama semua IPTA, data guru novis berjaya dikumpul dan dianalisis menggunakan SPSS 11.5. Data dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk mencari nilai kekerapan, peratusan dan min tentang latar belakang guru novis dan soal selidik yang diajukan. Statistik inferensi pula digunakan membuat ujian-t dan ANOVA sehalia dengan mengaitkannya dengan pemboleh-pemboleh ubah kajian.

Kesimpulannya, buku ini memberi gambaran menyeluruh tentang guru-guru novis di Malaysia dari segi masalah profesionalisme yang mereka hadapi ketika berkhidmat di sekolah. Kajian JPPG dan BPG (2005) berkaitan penilaian guru novis terhadap latihan mengajar membuktikan bahawa guru-guru novis menghadapi banyak masalah di sekolah. Justeru, kajian yang berfokus kepada masalah-masalah profesionalisme yang dihadapi guru novis di Malaysia ini menjadi pelengkap kepada keseluruhan tentang guru-guru novis.

Terima kasih.

Dr. Norasmah Othman  
Ketua Projek Penyelidikan Guru Novis 2006  
Jawatankuasa Penyelarasaran Pendidikan Guru (JPPG) 2006

## **Prakata**

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana akhirnya buku ini dapat diterbitkan dengan jayanya.

Buku ini merupakan teks penting kegunaan semua guru, pihak pentadbir pengubal atau perancang polisi yang berkaitan dengan program pendidikan dan latihan perguruan. Selain kumpulan yang disenaraikan, buku ini juga sesuai untuk dijadikan tatapan oleh pelajar-pelajar maktab dan institusi perguruan, pelajar-pelajar pendidikan di universiti, pensyarah-pensyarah yang berperanan mendidik guru-guru sekolah menengah dan rendah. Ia juga sesuai untuk bacaan masyarakat umum yang ingin menyelami alam pengajaran dan pendidikan serta segala permasalahan yang dihadapi oleh guru terutamanya guru novis yang menjawab watak utama dalam buku ini. Buku ini merupakan dokumen lengkap tentang segala hal yang berkaitan dengan guru novis.

- Bab 1 menguraikan pengenalan berkaitan dengan kajian, objektif kajian, permasalahan kajian dan kerangka konseptual kajian iaitu bagaimana kajian ini dilaksanakan.
- Bab 2 menghuraikan hal berkenaan konsep profesionalisme keguruan.
- Bab 3 menghuraikan mentoran dan perkembangan kerjaya guru novis.
- Bab 4 dan Bab 5 menghuraikan ulasan keperpustakaan berkaitan dengan kajian-kajian lepas serta metodologi bagaimana kajian ini dilaksanakan.
- Bab 6, Bab 7, Bab 8 dan Bab 9 menghuraikan masalah profesionalisme guru novis, sosialisasi profesionalisme guru novis dan strategi guru novis dalam pengajaran dan pembelajaran serta seterusnya membincangkan sistem sokongan mengatasi masalah guru novis.
- Bab 10 dan Bab 11 merupakan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah profesionalisme guru novis dan akhir sekali mencadangkan model latihan guru novis yang mungkin boleh digunakan dalam proses membimbing guru novis agar dapat menjadi guru cemerlang di sekolah serta seterusnya berupaya menghadapi keadaan sekolah yang penuh dengan pelbagai ragam.

Buku ini ditulis berpandukan kepada teori-teori berkaitan profesionalisme keguruan dan dapatkan yang diperoleh melalui kajian yang dilaksanakan secara bersama di antara Fakulti Pendidikan di semua IPTA di Malaysia. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua rakan pensyarah serta pelajar-pelajar Sarjana Muda Pendidikan di semua IPTA yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

Dr. Norasmah Othman  
Dr. Zamri Mahamod  
Dr. Hj. Mohammed Sani Ibrahim  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

## Kandungan

Prakata		<i>i-ix</i>
BAB 1	Pengenalan <i>Mohammed Sani Ibrahim, Zamri Mahamod &amp; Norasmah Othman</i>	<i>1-10</i>
BAB 2	Konsep Profesionalisme Keguruan <i>Mohd. Hasani Dali, Salleh Abd. Rashid &amp; Mohammed Sani Ibrahim</i>	<i>11-53</i>
BAB 3	Mentoran dan Perkembangan Kerjaya Guru Novis <i>Salleh Abd. Rashid, Mohammed Sani Ibrahim &amp; Mohd. Hasani Dali</i>	<i>55-76</i>
BAB 4	Tinjauan Literatur Guru Novis <i>Mohammed Sani Ibrahim, Mohd. Hasani Dali, Zamri Mahamod &amp; Salleh Abd. Rashid</i>	<i>77- 82</i>
BAB 5	Metodologi <i>Norasmah Othman, Shuki Osman, Sapon Ibrahim, Mohd Hasani Dali, Baharom Mohamad &amp; Zamri Mahamod</i>	<i>83-89</i>
BAB 6	Masalah Profesionalisme Guru Novis <i>Norasmah Othman, Suhaida Abdul Kadir, Abdul Rasid Jamian, Mohammed Sani Ibrahim, Zamri Mahamod &amp; Bhasah Abu Bakar</i>	<i>91-111</i>
BAB 7	Sosialisasi Profesionalisme Guru Novis <i>Shuki Osman, Mohd. Hasani Dali, Meor Ibrahim Kamaruddin, Shahrin Hashim, Baharom Mohamad &amp; Sapon Ibrahim</i>	<i>113-125</i>
BAB 8	Strategi Guru Novis dalam Pengajaran dan Pembelajaran <i>Siti Hawa Othman, Mazlen Arepin, Norasmah Othman &amp; Zamri Mahamod</i>	<i>127-141</i>
BAB 9	Sistem Sokongan Mengatasi Masalah Guru Novis <i>Mariani Md. Nor &amp; Siti Rafiah Abd. Hamid</i>	<i>143-159</i>
BAB 10	Cadangan Mengatasi Masalah Profesionalisme Guru Novis <i>AJK Projek Penyelidikan Guru Novis IPTA 2006</i>	<i>161-168</i>
BAB 11	Cadangan Model Latihan Guru Novis <i>AJK Projek Penyelidikan Guru Novis IPTA 2006</i>	<i>169-178</i>
Rujukan		<i>179-190</i>
Lampiran		<i>191-204</i>

# **BAB 9**

## **SISTEM SOKONGAN GURU NOVIS**

### **PENGENALAN**

Menurut takrifan yang diberikan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG), guru baru atau guru novis ialah guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada tiga tahun. Hasil dapatan kajian yang telah dilakukan menunjukkan kebanyakan guru baru menghadapi pelbagai masalah melalui pengalaman mengajar di sekolah. Kajian yang dilakukan ini mengkaji tentang aspek pengalaman dan masalah yang dihadapi oleh guru novis melalui maklum balas daripada pelbagai pihak yang terlibat mengenai pelaksanaan program Latihan Mengajar yang dijalankan di seluruh negara.

Dalam bab ini perbincangan akan berfokus kepada sistem sokongan yang diperolehi oleh guru novis. Lebih fokus, bab ini akan membincangkan soalan kajian kelima yang meneliti sejauh mana sistem sokongan yang ada mempengaruhi efisien dan kecekapan guru novis yang telah ditempatkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di sekolah yang sedia ada. Bagi menjawab soalan kelima, 10 boleh ubah bersandar telah dikenal pasti bagi melihat pengaruh mereka terhadap sistem sokongan yang dialami oleh guru novis. Boleh ubah-pemboleh ubah tersebut adalah faktor; jantina, negeri, kaum, jenis sekolah, lokasi sekolah, kelulusan akademik, pengkhususan ikhtisas, status guru novis, umur, dan bilangan tahun bekerja.

### **SISTEM SOKONGAN BERDASARKAN JANTINA**

Bagi sistem sokongan pula, boleh ubah tidak bersandar telah dipecahkan kepada empat subskala berikut, iaitu (i) sistem sokongan pengajaran-pembelajaran, (ii) sistem sokongan pentadbiran, (iii) sistem sokongan terhadap tugas luar bidang, dan (iv) sistem sokongan terhadap pembangunan staf. Dapatan kajian yang telah dianalisis diuraikan dalam Jadual 9.1.

Untuk melihat perbezaan sama ada terdapat perbezaan signifikan bagi masalah sistem sokongan berdasarkan faktor jantina, maka analisis Anova telah digunakan. Berdasarkan Jadual 9.1, dapatan analisis Anova menunjukkan terdapat perbezaan signifikan untuk masalah yang dihadapi bagi subskala tugas luar bidang berdasarkan jantina ( $F=5.938, p=.015$ ). Ini menunjukkan bahawa guru novis perempuan lebih banyak menghadapi masalah mendapatkan bantuan sokongan daripada aspek tugas luar bidang. Berdasarkan pengalaman berkerja sedia ada, pengetahuan serta kemahiran yang sedikit, responden jelas

memerlukan sokongan berbentuk latihan luar bidang profesion perguruan bagi menangani pelbagai macam masalah pengajaran-pembelajaran (P&P).

Menurut Amobi (2006), “...*excellent teachers do not emerge full blown at graduation...instead, teachers are always in the process of becoming...given the dynamics of their work, they need to continuously rediscover who they are and what they stand for...through the reflection about their craft*”. Ini jelas menunjukkan bahawa guru-guru novis perempuan perlu didedahkan kepada latihan yang berbeza daripada bidang pengkhususan mereka. Latihan ini secara teroritikalnya berupaya mempertingkatkan tahap kecekapan luar bidang kemahiran mereka sendiri.

JADUAL 9.1. Masalah Sistem Sokongan Berdasarkan Jantina

			N	Min	SP	F	Sig.
Pembangunan staf	Lelaki		228	6.79	2.413	.572	.450
	Perempuan		671	6.93	2.395		
	<i>Total</i>		<b>899</b>	<b>6.90</b>	<b>2.399</b>		
Tugasan luar bidang	Lelaki		226	4.93	1.745	5.928	<b>.015*</b>
	Perempuan		658	5.28	1.876		
	<i>Total</i>		<b>884</b>	<b>5.19</b>	<b>1.849</b>		
Staf P&P	sokongan	Lelaki	228	8.50	2.578	.083	.774
		Perempuan	680	8.56	2.526		
		<i>Total</i>	<b>908</b>	<b>8.55</b>	<b>2.538</b>		
Sokongan pentadbiran	Lelaki		227	8.88	2.673	.125	.724
	Perempuan		667	8.80	2.766		
	<i>Total</i>		<b>894</b>	<b>8.83</b>	<b>2.741</b>		

\* signifikan pada aras kepastian .05

Secara ringkasnya, terdapat juga perbezaan gender di mana guru novis perempuan mempunyai min yang lebih tinggi bagi kesemua subskala kecuali bagi subskala sokongan pentadbiran berbanding dengan guru novis lelaki. Ini menunjukkan secara perbandingan, guru novis perempuan lebih banyak menghadapi masalah sistem sokongan berbanding dengan guru novis lelaki khususnya dalam mendapatkan sokongan daripada aspek pembangunan staf, tugasan luar bidang pengajaran dan sokongan P&P. Robertson (2006) turut menjelaskan bahawa “*lack of administrative support*” serta “*work place dissatisfaction*” faktor tempat kerja yang kurang memuaskan merupakan faktor-faktor yang menyebabkan guru-guru novis meninggalkan profesion perguruan di Amerika Syarikat. Miller dan Hollenshead (2005) turut menyokong hujah diatas bahawa sistem sokongan di sekolah banyak mempengaruhi minat, karisma dan

kecemerlangan guru novis perempuan untuk terus kekal dalam profesion perguruan.

### **SISTEM SOKONGAN BERDASARKAN JENIS SEKOLAH**

Daripada Jadual 9.2, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan bagi masalah yang dihadapi oleh guru novis untuk sistem sokongan tugasan luar bidang ( $F=2.52$ ,  $p= .014$ ), sokongan P&P ( $F =3.18$ ,  $p= .003$ ) dan sokongan pentadbiran ( $F=5.58$ ,  $p= .000$ ) berdasarkan jenis sekolah. Dapatan kajian menunjukkan SJK ( $\text{min}=5.54$ ) mempunyai min tertinggi berbanding jenis sekolah lain. Ini bermaksud guru novis yang ditempatkan di SJK lebih banyak menghadapi masalah mendapatkan sistem sokongan tugasan luar bidang pengajaran. Bagi aspek mendapat kerjasama untuk tujuan pengajaran-pembelajaran, dapatan menunjukkan guru novis dari Sekolah Menengah Pendidikan Khas menceatat nilai purata min tertinggi ( $\text{min}=9.75$ ) berbanding jenis sekolah lain. Ini bermaksud guru novis dari jenis sekolah ini menghadapi lebih banyak masalah untuk mendapatkan kerjasama staf dan pelajar bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Daripada aspek masalah mendapatkan sokongan pentadbiran, dapatan menunjukkan guru novis dari SMPK memperoleh min tertinggi (10.75) berbanding sekolah-sekolah jenis lain. Dapatan ini menjelaskan guru novis dari SMPK lebih banyak menghadapi masalah mendapatkan sokongan untuk tujuan pentadbiran dalam perlaksanaan P&P berbanding guru novis yang mengajar dari jenis sekolah lain.

Isu jenis sekolah di mana guru novis ditempatkan bukanlah merupakan isu yang baru dalam dunia pendidikan. Masalah ini wujud di dunia pendidikan Barat dan di rantau sebelah sini. SJK berkemungkinan menghadapi masalah dana pembiayaan latihan profesionalisme guru novis kerana kebanyakan sekolah jenis ini bertaraf persendirian atau swasta. Secara khususnya, SJK ini ialah “Non-Governmental Aided School” atau sekolah swasta yang banyak bergantung kepada pembiayaan “Board of School Governors” dan dana awam “Public Fund” (Development of Education National Report 1996). Hasilnya, guru-guru dari SJK ini kurang menerima pendedahan dan mendapat latihan profesionalisme perguruan kerana masalah kos latihan yang tinggi. Kelemahan ini berupaya menjelaskan prestasi keguruan mereka terutamanya dalam P&P.

Di samping itu, SMPK turut mengalami masalah mendapatkan sokongan P&P yang berkemungkinan berpunca daripada kerentak birokrasi serta kelemahan jentera sistem perlaksanaan dasar pendidikan bagi pelajar golongan istimewa. Kewujudan ramai masyarakat Malaysia yang masih kurang prihatin terhadap pendidikan khas yang diperlukan oleh pelajar-pelajar kurang upaya dan istimewa turut menyumbang kepada kegagalan guru-guru novis yang mengajar di SMPK ini. Ketidaaan sistem sokongan inilah yang menyukarkan guru-guru novis mengajar pelajar-pelajar berkeperluan khas dengan lebih berkesan dan cemerlang.

### SISTEM SOKONGAN BERDASARKAN KATEGORI SEKOLAH

Berdasarkan Jadual 9.3, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan signifikan daripada aspek sistem sokongan berdasarkan kategori sekolah. Ini berkemungkinan secara teoritikalnya berpunca daripada Dasar Pembangunan Negara dan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang ingin memberikan pendidikan terbaik dan sama rata kepada semua orang. Kesannya, kerajaan melalui KPM memberikan tumpuan kepada pendidikan yang setara dengan cara menyediakan sistem sokongan yang bersesuaian tanpa mengira gred sekolah yang telah dibangunkan oleh kerajaan itu sendiri.

JADUAL 9.3. Masalah Sistem Sokongan Berdasarkan Kategori Sekolah

		N	Min	SP	F	Sig.
Pembangunan staf	Gred A	621	6.92	2.363	.088	.915
	Gred B	259	6.84	2.456		
	Gred kurang murid	3	7.00	1.732		
	<b>Total</b>	<b>883</b>	<b>6.90</b>	<b>2.387</b>		
Tugasan luar bidang	Gred A	612	5.21	1.814	.058	.943
	Gred B	254	5.17	1.929		
	Gred kurang murid	3	5.33	2.309		
	<b>Total</b>	<b>869</b>	<b>5.20</b>	<b>1.848</b>		
Staf sokongan P&P	Gred A	625	8.64	2.545	1.072	.343
	Gred B	263	8.39	2.432		
	Gred kurang murid	3	9.33	2.309		
	<b>Total</b>	<b>891</b>	<b>8.57</b>	<b>2.512</b>		
Sokongan pentadbir	Gred A	617	8.86	2.803	1.905	.150
	Gred B	258	8.70	2.554		
	Gred kurang murid	3	11.66	3.055		
	<b>Total</b>	<b>878</b>	<b>8.82</b>	<b>2.736</b>		

## SISTEM SOKONGAN BERDASARKAN KAUM

Daripada Jadual 9.4, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan bagi subskala tugasan luar bidang yang dihadapi oleh guru novis ( $F=2.83$ ,  $p=.024$ ) berdasarkan kaum. Ini menunjukkan bahawa guru novis menghadapi lebih banyak masalah dalam mendapatkan sokongan berkaitan tugasan luar bidang berbanding dengan subskala lain untuk sistem sokongan.

Secara perbandingan, data juga menunjukkan bahawa masalah sistem sokongan tugasan luar bidang pengajaran amat ketara dalam kalangan guru novis berbangsa Cina ( $\text{min}=5.81$ ) di mana mereka mendapat nilai purata min tertinggi berbanding guru novis dari kaum lain.

JADUAL 9.4. Masalah Sistem Sokongan Berdasarkan Kaum

		N	Min	SP	F	Sig.
Pembangunan staf	Melayu	686	6.89	2.381	1.366	.244
	Bumiputera	86	6.70	2.350		
	Cina	92	7.07	2.268		
	India	19	7.73	3.572		
	Lain-lain etnik	15	6.00	2.478		
	<b>Total</b>	<b>898</b>	<b>6.90</b>	<b>2.400</b>		
Tugasan luar bidang	Melayu	678	5.14	1.852	2.833	.024 *
	Bumiputera	84	5.01	1.682		
	Cina	89	5.80	1.863		
	India	19	5.15	2.167		
	Lain-lain etnik	13	5.23	1.589		
	<b>Total</b>	<b>883</b>	<b>5.19</b>	<b>1.849</b>		
Staf sokongan P&P	Melayu	694	8.46	2.563	2.127	.076
	Bumiputera	86	8.40	2.609		
	Cina	93	9.10	2.066		
	India	19	9.52	3.238		
	Lain-lain etnik	15	8.73	2.282		
	<b>Total</b>	<b>907</b>	<b>8.55</b>	<b>2.539</b>		
Sokongan pentadbir	Melayu	685	8.68	2.618	2.213	.066
	Bumiputera	85	9.12	2.939		
	Cina	90	9.40	3.016		
	India	19	9.42	4.059		
	Lain-lain etnik	14	9.57	3.081		
	<b>Total</b>	<b>893</b>	<b>8.82</b>	<b>2.743</b>		

Sebagai kesimpulan, kewujudan masalah ini dalam kalangan guru novis berbangsa Cina berkemungkinan berpunca daripada kelemahan infrastruktur

sekolah serta kerenah birokrasi sekolah di mana mereka ditempatkan serta kekurangan pengalaman dan pendedahan guru novis sendiri kepada bidang-bidang kemahiran yang lain, serta permasalahan sikap guru sendiri untuk mempertingkatkan profesionalisme mereka.

## **SISTEM SOKONGAN BERDASARKAN NEGERI**

Jadual 9.5 menunjukkan analisis Anova mengenai masalah yang dihadapi oleh guru novis berkaitan sistem sokongan berdasarkan negeri. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan bagi kesemua subskala sistem sokongan, iaitu pembangunan staf ( $F=4.55$ ,  $p= .000$ ), tugasan luar bidang ( $F=2.39$ ,  $p= .005$ ), sokongan P&P ( $F=6.87$ ,  $p= .000$ ) dan sokongan pentadbiran ( $F=6.05$ ,  $p= .000$ ). Ini menunjukkan bahawa guru-guru novis di setiap negeri menghadapi masalah daripada aspek mendapatkan sokongan untuk tujuan pembangunan staf, tugasan luar bidang, sokongan staf dalam P&P dan sokongan pentadbiran.

Selain itu, dapatkan juga menunjukkan negeri Perak mencatatkan nilai purata min tertinggi bagi kesemua subskala sistem sokongan berbanding negeri-negeri lain. Min terendah diperoleh oleh negeri-negeri dalam Jadual 9.6 bagi subskala berkenaan. Berdasarkan prestasi pembangunan, negeri Perak merupakan salah sebuah negeri yang pesat membangun dari segi fizikal dan ekonomi.

Namun, dapatkan kajian memaparkan kesukaran bagi guru-guru novis untuk mendapatkan sistem sokongan yang memuaskan di negeri Perak. Kajian lanjutan amat diperlukan untuk meneliti secara terperinci apakah jenis permasalahan sistem sokongan yang sebenarnya wujud di negeri Perak serta punca-puncanya. Dapatkan kajian ini berkemungkinan dapat membantu kerajaan negeri Perak, khususnya, merancang sesuatu program yang dapat menyediakan sistem sokongan yang terbaik bagi guru-guru novis di negeri Perak.

Menurut Kuzmic (1994), “...the early experiences are powerful influences on teachers' practices and attitudes throughout the remainder of their careers (dipetik daripada Waldorf & Lynn 2002). Jelas sekali, pengalaman (sama ada positif ataupun negatif) mengajar di tahap awal seperti mendapat sistem sokongan yang baik dan berkesan amat mempengaruhi amalan-amalan guru serta sikap mereka pada masa depan.

Hasilnya, tindakan proaktif dan positif kerajaan negeri Perak mengenal pasti masalah sistem sokongan secara teliti mampu mengatasi menangani masalah ini dengan secara berkesan. Secara langsung, usaha ini dapat membantu mempertingkatkan prestasi guru-guru novis dalam P&P di negeri Perak serta negeri-negeri lain.

## JADUAL 9.5. Masalah Sistem Sokongan Berdasarkan Negeri

		N	Min	SP	F	Sig.
Pembangunan staf	Kedah	39	6.23	.705	4.549	.000*
	Pulau Pinang	4	6.00	.000		
	Perak	25	9.32	2.935		
	Selangor	96	7.29	2.831		
	Wilayah	19	7.63	3.419		
	N. Sembilan	25	7.36	2.899		
	Melaka	49	6.57	1.979		
	Johor	88	6.17	1.995		
	Pahang	47	6.42	2.262		
	Trengganu	41	6.56	2.387		
	Kelantan	73	6.60	2.378		
	Sabah	135	6.30	2.074		
	Sarawak	127	6.81	2.381		
	<b>Total</b>	<b>768</b>	<b>6.72</b>	<b>2.393</b>		
Tugasan luar bidang	Kedah	39	4.46	1.334	2.386	.005*
	Pulau Pinang	4	4.50	1.000		
	Perak	25	5.64	1.655		
	Selangor	94	5.36	2.119		
	Wilayah	18	5.27	2.696		
	N. Sembilan	26	5.46	2.024		
	Melaka	49	4.71	1.791		
	Johor	88	4.94	1.670		
	Pahang	46	4.43	1.500		
	Trengganu	41	5.51	2.063		
	Kelantan	73	5.28	1.874		
	Sabah	134	4.88	1.661		
	Sarawak	116	5.46	1.885		
	<b>Total</b>	<b>753</b>	<b>5.10</b>	<b>1.849</b>		
Staf sokongan P&P	Kedah	39	7.6154	1.664	6.861	.000*
	Pulau Pinang	4	8.50	.577		
	Perak	25	11.00	3.741		
	Selangor	101	8.06	2.649		
	Wilayah	21	6.76	2.586		
	N. Sembilan	27	8.29	2.267		
	Melaka	49	8.55	2.598		
	Johor	88	7.73	2.098		
	Pahang	47	8.12	1.789		
	Trengganu	41	7.82	2.023		
	Kelantan	73	7.65	2.358		

	Sabah	135	8.42	2.719		
	Sarawak	127	9.37	2.144		
	<i>Total</i>	<b>777</b>	<b>8.33</b>	<b>2.505</b>		
Sokongan pentadbir	Kedah	39	8.28	1.571	6.046	.000*
	Pulau Pinang	4	8.00	1.414		
	Perak	25	10.68	3.782		
	Selangor	95	8.82	2.771		
	Wilayah	20	7.30	2.830		
	N. Sembilan	27	8.59	2.004		
	Melaka	49	9.26	3.140		
	Johor	88	7.93	1.934		
	Pahang	47	8.12	2.183		
	Trengganu	41	8.78	1.955		
	Kelantan	73	8.17	2.540		
	Sabah	135	8.99	2.546		
	Sarawak	120	10.25	3.572		
	<i>Total</i>	<b>763</b>	<b>8.87</b>	<b>2.799</b>		

JADUAL 9.6. Masalah Sistem Sokongan Berdasarkan Negeri

Subskala	Nilai Purata Min	Negeri
Pembangunan staf	6.00	Pulau Pinang
Tugasan luar bidang	4.43	Pahang
Sokongan staf	6.76	Wil. persekutuan
Sokongan pentadbiran	7.30	Wil. Persekutuan

## SISTEM SOKONGAN BERDASARKAN KELULUSAN AKADEMIK

Berdasarkan Jadual 9.7, dapatan kajian menunjukkan tidak ada perbezaan signifikan bagi masalah yang dihadapi oleh guru novis berkaitan sistem sokongan berdasarkan kelulusan akademik mereka. Ini bermaksud tahap kelulusan akademik guru novis tidak mempengaruhi pandangan mereka terhadap sistem sokongan yang terdapat di sekolah-sekolah di mana mereka ditempatkan. Data jelas menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada peratusan guru-guru novis ini adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda.

Dengan kata lain, guru-guru novis di seluruh negara tidak menghadapi masalah dari segi sistem sokongan yang mereka perlukan. Ini berkemungkinan terjadi kerana kelulusan akademik mereka yang tinggi menyebabkan pihak sekolah di mana mereka mengajar memberi sokongan yang mereka perlukan.

Ini juga menunjukkan bahawa pihak sekolah memerlukan guru-guru novis yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan untuk mengajar pelajar-pelajar di sekolah rendah dan menengah berkenaan.

JADUAL 9.7. Masalah Sistem Sokongan Berdasarkan Kelulusan Akademik

		N	Min	SP	F	Sig.
Pembangunan staf	Diploma	31	6.96	2.613	1.498	.224
	Ijazah sarjana muda	817	6.92	2.364		
	Ijazah sarjana	39	6.25	2.446		
	<b>Total</b>	<b>887</b>	<b>6.89</b>	<b>2.378</b>		
Tugasan luar bidang	Diploma	30	5.43	1.715	2.604	.075
	Ijazah sarjana muda	804	5.20	1.839		
	Ijazah sarjana	38	4.55	1.719		
	<b>Total</b>	<b>872</b>	<b>5.18</b>	<b>1.834</b>		
Staf sokongan P&P	Diploma	31	8.25	2.294	.646	.525
	Ijazah sarjana muda	825	8.60	2.537		
	Ijazah sarjana	39	8.23	2.465		
	<b>Total</b>	<b>895</b>	<b>8.57</b>	<b>2.525</b>		
Sokongan pentadbir	Diploma	30	9.20	2.426	.643	.526
	Ijazah sarjana muda	814	8.83	2.753		
	Ijazah sarjana	38	8.44	2.815		
	<b>Total</b>	<b>882</b>	<b>8.83</b>	<b>2.745</b>		

## SISTEM SOKONGAN BERDASARKAN KELULUSAN IKHTISAS

Daripada Jadual 9.8, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan wujud dalam usaha guru novis untuk mendapatkan sistem sokongan (bagi semua subskala kecuali pembangunan staf) berdasarkan kelulusan ikhtisas. Ini menunjukkan bahawa guru novis yang mempunyai kelulusan ikhtisas Sarjana Pendidikan Teknikal lebih banyak masalah menghadapi masalah dalam mendapatkan sokongan berkaitan tugas luar bidang, sokongan staf untuk tujuan P&P dan sokongan pentadbiran berbanding dengan subskala pembangunan staf berbanding guru novis daripada kelulusan ikhtisas yang lain.

Untuk subskala yang signifikan, didapati guru novis dari kelulusan ikhtisas Sarjana Pendidikan Teknikal menghadapi lebih banyak masalah mendapatkan sokongan daripada kesemua subskala tersebut, iaitu tugas luar bidang ( $\text{min}=5.75$ ), sokongan staf dalam P&P ( $\text{min}=9.93$ ) dan sokongan pentadbiran ( $\text{min}=10.57$ ) berbanding guru novis daripada kelulusan ikhtisas yang lain.

JADUAL 9.8. Masalah Sistem Sokongan Berdasarkan Kelulusan Ikhtisas

		N	Min	SP	F	Sig.
Pembangunan staf	Tidak berkenaan	15	6.93	3.127	.653	.625
	Sarjana Pend. Teknikal	56	6.83	2.325		
	Ijazah Sarjana Muda Pend.	484	7.03	2.334		
	Diploma Pendidikan	266	6.75	2.450		
	Sijil Perguruan	39	6.87	2.214		
	<b>Total</b>	<b>860</b>	<b>6.92</b>	<b>2.378</b>		
Tugasan luar bidang	Tidak berkenaan	15	5.06	2.051	4.744	<b>.000*</b>
	Sarjana Pend. Teknikal	51	5.74	1.927		
	Ijazah Sarjana Muda Pend.	475	5.36	1.873		
	Diploma Pendidikan	266	4.84	1.714		
	Sijil Perguruan	39	5.07	1.493		
	<b>Total</b>	<b>846</b>	<b>5.20</b>	<b>1.831</b>		
Staf sokongan P&P	Tidak berkenaan	15	7.93	1.437	5.849	<b>.000*</b>
	Sarjana Pend. Teknikal	56	9.92	2.206		
	Ijazah Sarjana Muda Pend.	492	8.64	2.407		
	Diploma Pendidikan	266	8.23	2.740		
	Sijil Perguruan	39	8.30	2.418		
	<b>Total</b>	<b>868</b>	<b>8.57</b>	<b>2.518</b>		
Sokongan pentadbir	Tidak berkenaan	15	8.46	2.416	6.604	<b>.000*</b>
	Sarjana Pend. Teknikal	53	10.56	4.054		
	Ijazah Sarjana Muda Pend.	483	8.60	2.516		
	Diploma Pendidikan	266	8.89	2.774		
	Sijil Perguruan	39	8.46	2.125		
	<b>Total</b>	<b>856</b>	<b>8.80</b>	<b>2.734</b>		

Tafsiran yang boleh dibuat terhadap masalah mendapatkan sistem sokongan dari kalangan guru ikhtisas Sarjana Pendidikan Teknikal berkemungkinan berpunca daripada kelemahan kemudahan infrastruktur sedia ada di tempat kerja, kurangnya kerjasama daripada staf atau guru berpengalaman, kurangnya sokongan pengetua. Menurut Murphy (2005), masalah sikap serta pemikiran guru novis sendiri ataupun berpunca daripada orientasi latihan ikhtisas yang diterima berbeza dengan subjek yang diajar di sekolah juga menyebabkan guruguru novis kurang mendapat sokongan. Menurut Babione dan Shea (2005), "...assistance with contextual knowledge about the school setting is particularly beneficial to the novice teacher...novice teachers learn best from experienced teachers who are professionally engaged, reflective, and analytical, ...and mentoring initiatives support the sharing of practical knowledge between the experienced and new teachers". Jelasnya, segala sistem sokongan yang wujud di sekolah boleh mempertingkatkan kebolehan guru novis walaupun menerima latihan pendidikan ikhtisas yang berbeza.

## SISTEM SOKONGAN BERDASARKAN LOKASI SEKOLAH

Berdasarkan Jadual 9.9, dapatan menunjukkan tiada perbezaan signifikan bagi masalah yang dihadapi oleh guru novis berkaitan sistem sokongan berdasarkan lokasi sekolah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa aspek lokasi sekolah tidak menunjukkan perbezaan ketara dari sudut sistem sokongan yang amat diperlukan oleh guru-guru novis. Dapatan kajian ini secara teoritikalnya menunjukkan sekolah-sekolah bandar serta luar bandar yang terpilih untuk kajian mempunyai rangkaian sistem sokongan yang baik dan sesuai bagi guru-guru novis yang ditempatkan di sana.

Dengan kata lain, faktor lokasi sekolah di mana guru-guru novis ditempatkan tidak menghalang untuk mereka mengajar, berkhidmat dan mendidik anak bangsa berjaya dalam pelajaran. Semua guru novis berpendapat bahawa mereka menerima semua perkara yang diterima oleh guru-guru lama di sekolah di mana mereka ditempatkan baik dari segi pembangunan staf, tugasan luar bidang, sokongan P&P daripada guru dan sokongan pentadbiran yang tidak berbelah bagi.

JADUAL 9.9. Masalah Sistem Sokongan Berdasarkan Lokasi Sekolah

		N	Min	SP	F	Sig.
Pembangunan staf	Bandar	498	7.03	2.469	3.685	.055
	Luar bandar	400	6.72	2.298		
	<b>Total</b>	<b>898</b>	<b>6.89</b>	<b>2.398</b>		
Tugasan luar bidang	Bandar	487	5.22	1.875	.348	.555
	Luar bandar	396	5.15	1.819		
	<b>Total</b>	<b>883</b>	<b>5.19</b>	<b>1.849</b>		
Staf sokongan P&P	Bandar	507	8.56	2.519	.080	.777
	Luar bandar	400	8.52	2.561		
	<b>Total</b>	<b>907</b>	<b>8.54</b>	<b>2.536</b>		
Sokongan pentadbir	Bandar	494	8.68	2.688	3.151	.076
	Luar bandar	399	9.00	2.802		
	<b>Total</b>	<b>893</b>	<b>8.82</b>	<b>2.743</b>		

## SISTEM SOKONGAN BERDASARKAN TARAF

Berdasarkan Jadual 9.10, dapatan menunjukkan tiada perbezaan signifikan bagi masalah yang dihadapi oleh guru novis berkaitan sistem sokongan berdasarkan status perkahwinan seseorang guru novis. Ini bermakna guru-guru novis sama ada yang sudah berkahwin atau masih bujang tidak menghadapi masalah ketika mengajar di sekolah mereka mula-mula ditempatkan.

JADUAL 9.10. Masalah Sistem Sokongan Berdasarkan Taraf

		N	Min	SP	F	Sig.
Pembangunan staf	Bujang	270	7.25	2.769	1.549	.214
	Berkahwin	402	7.01	2.223		
	<b>Total</b>	<b>672</b>	<b>7.11</b>	<b>2.458</b>		
Tugasan luar bidang	Bujang	269	5.31	1.964	.894	.345
	Berkahwin	400	5.17	1.811		
	<b>Total</b>	<b>669</b>	<b>5.22</b>	<b>1.874</b>		
Staf sokongan P&P	Bujang	279	8.31	2.683	1.304	.254
	Berkahwin	402	8.54	2.430		
	<b>Total</b>	<b>681</b>	<b>8.45</b>	<b>2.538</b>		
Sokongan pentadbir	Bujang	273	8.77	2.792	2.944	.087
	Berkahwin	401	8.43	2.328		
	<b>Total</b>	<b>674</b>	<b>8.57</b>	<b>2.530</b>		

## SISTEM SOKONGAN BERDASARKAN UMUR

Jadual 9.11 menunjukkan analisis Anova mengenai masalah yang dihadapi oleh guru novis berkaitan sistem sokongan berdasarkan umur. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan bagi subskala sokongan staf ( $F=5.90$ ,  $p= .001$ ). Ini menunjukkan bahawa bagi faktor umur, guru novis lebih banyak menghadapi masalah daripada aspek sokongan staf berbanding subskala yang lain.

Dapatan juga menunjukkan daripada aspek mendapatkan sokongan staf dalam P&P, guru novis yang berumur dalam lingkungan 26 hingga 30 tahun lebih banyak ( $\text{min}=8.85$ ) menghadapi masalah mendapatkan sokongan staf untuk tujuan P&P berbanding dengan guru novis dalam lingkungan umur yang lain. Berdasarkan lingkungan usia yang tercatat, guru-guru novis ini secara teoritikalnya kurang pengalaman dan pendedahan kepada aspek perkerjaan yang diceburi. Mereka baru sahaja memperoleh Ijazah Sarjana Muda dan baru memasuki alam pekerjaan.

Di samping itu, guru-guru novis ini masih mempunyai masalah interpersonal untuk berhubung dengan guru berpengalaman serta pentadbir dengan berkesan. Menurut Gagen dan Bowie (2005), "...when schools make so many demands of novice teachers without offering them the means to accomplish these tasks, the schools have set them up to fail." Pendapat ini menyatakan bahawa sistem sokongan yang baik dan berkesan amat diperlukan oleh guru-guru novis bagi mencapai kecemerlangan dalam melaksanakan tugas harian mereka.

JADUAL 9.11. Masalah Sistem Sokongan Berdasarkan Umur

		N	Min	SP	F	Sig.
Pembangunan staf	20-25 tahun	236	6.86	2.692	1.333	.262
	26-30 tahun	514	7.01	2.280		
	31-35 tahun	121	6.53	2.370		
	36-40 tahun	28	6.78	1.931		
	<b>Total</b>	<b>899</b>	<b>6.90</b>	<b>2.399</b>		
Tugasan luar bidang	20-25 tahun	231	5.20	1.964	1.666	.173
	26-30 tahun	507	5.27	1.827		
	31-35 tahun	118	5.00	1.797		
	36-40 tahun	28	4.60	1.314		
	<b>Total</b>	<b>884</b>	<b>5.19</b>	<b>1.849</b>		
Staf sokongan P&P	20-25 tahun	245	8.22	2.650	5.898	.001*
	26-30 tahun	514	8.85	2.516		
	31-35 tahun	121	8.12	2.300		
	36-40 tahun	28	7.75	2.221		
	<b>Total</b>	<b>908</b>	<b>8.55</b>	<b>2.538</b>		
Sokongan pentadbir	20-25 tahun	238	8.63	2.807	1.957	.119
	26-30 tahun	508	8.94	2.733		
	31-35 tahun	120	8.92	2.732		
	36-40 tahun	28	7.85	2.155		
	<b>Total</b>	<b>894</b>	<b>8.82</b>	<b>2.741</b>		

## SISTEM SOKONGAN BERDASARKAN TAHUN

Berdasarkan Jadual 9.12, dapatan menunjukkan tidak ada perbezaan signifikan bagi masalah yang dihadapi oleh guru novis tahun pertama berkaitan dengan mendapatkan sokongan di sekolah. Demikian juga guru novis tahun ketiga di mana mereka tidak ada masalah untuk mendapatkan sokongan daripada pihak sekolah. Ini bermakna guru-guru novis baik lelaki maupun perempuan, sudah berkahwin ataupun bujang, yang berkelulusan universiti ataupun institut perguruan dan sebagainya tidak menghadapi masalah di sekolah. Pihak sekolah memberi kerjasama sepenuhnya kepada guru-guru baru ini terutamanya dari segi sistem sokongan P&P daripada guru berpengalaman di sekolah.

Bagaimanapun, guru novis yang mengajar tahun kedua menghadapi banyak masalah di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa mereka menghadapi masalah yang ketara dalam aspek mendapatkan sokongan berkaitan tugas luar bidang pengajaran dan sokongan daripada pihak pentadbir sekolah berbanding dengan masalah yang lain.

Sebagai kesimpulan, pengalaman berkerja bagi guru novis di tahun pertama dan ketiga tidak menimbulkan sebarang masalah mendapatkan bantuan sistem sokongan. Masalah dari sudut mendapatkan bantuan sistem sokongan hanya wujud di tahun kedua bekerja guru novis, khususnya daripada aspek sokongan tugasan luar bidang serta mendapatkan sokongan pihak pentadbiran di tempat kerja.

**JADUAL 9.12. Masalah Sistem Sokongan Berdasarkan Tahun Perkhidmatan Guru Novis 1 – 3 Tahun**

		F	Sig.
Tahun 1 berkhidmat	Staf pembangunan	1.349	.235
	Tugasan luar bidang	1.848	.090
	Staf sokongan P&P	.480	.823
	Sokongan pentadbiran	.607	.724
Tahun 2 berkhidmat	Staf pembangunan	.832	.546
	Tugasan luar bidang	3.014	.007
	Staf sokongan P&P	1.455	.194
	Sokongan pentadbiran	3.350	.003*
Tahun 3 berkhidmat	Staf pembangunan	1.071	.383
	Tugasan luar bidang	1.288	.267
	Staf sokongan P&P	1.293	.264
	Sokongan pentadbiran	1.796	.104

## PERBINCANGAN

Guru-guru novis pada lazimnya mempunyai kreativiti tersendiri dalam cuba mengaplikasikan apa yang telah dipelajari dan apa yang dicita-citakan sebagai seorang pendidik. Penglibatan mereka di tahun pertama dianggap sebagai guru yang mempunyai watak yang penuh dengan semangat, dinamik dan cergas. Mereka ini akan menggunakan strategi pengajaran yang kreatif bertujuan memberi kefahaman yang jelas kepada pelajar mereka. Bagaimanapun, kadang-kadang dalam merealisasikan apa yang ingin dilakukan mereka juga perlu mendapat sokongan sama ada daripada rakan sebaya maupun daripada mereka yang lebih dewasa. Namun, sistem sokongan yang mereka perlukan itu kadang-kadang tidak begitu mudah untuk didapatkan.

Laporan statistik yang telah dianalisis dan disintesiskan menunjukkan bahawa terdapat beberapa konstruk yang signifikan dalam mendapatkan sistem sokongan bagi seseorang guru novis itu.

## **Masalah Tugasan Luar Bidang**

Dapatan kajian menunjukkan guru novis perempuan lebih banyak menghadapi masalah mendapatkan bantuan sokongan dari aspek tugasan luar bidang. Keputusan kajian ini menunjukkan keperluan untuk mendapatkan sokongan di luar bidang profesi perguruan amat ketara memandangkan kelazimannya, guru novis seringkan diberikan dengan tugas tertentu terutama kokurikulum dan jawatan pentadbiran lain. Untuk adalah wajar jika pihak sekolah dapat menyediakan program pembangunan staf untuk mereka agar setiap tugas yang dilakukan itu jika tidak mendapat sokongan yang sepatutnya, sekurang-kurangnya mereka telah diberikan kemahiran tertentu itu. Malah, pihak pengetua perlu juga sentiasa memberi suntikan motivasi bukan sahaja bagi guru novis juga kepada guru yang telah berkhidmat lama agar guru berpengalaman ini sentiasa bermotivasi untuk memberi bantuan kepada guru novis yang amat memerlukan bantuan mereka.

Menyebut tentang masalah untuk mendapatkan sokongan berkenaan tugasan luar bidang pengajaran, dapatan menunjukkan guru novis Cina didapati menghadapi lebih banyak menghadapi masalah berbanding dengan guru novis kaum-kaum lain. Ini berlaku mungkin dengan adanya kerendah birokrasi di sekolah mereka ditempatkan serta sikap guru itu sendiri. Permasalahan ini memberi implikasi kepada saranan pihak pentadbir sekolah perlu peka terhadap kebajikan serta kemudahan yang sewajarnya diberikan kepada guru tanpa mengira kaum.

## **Masalah Jenis Sekolah**

Dari segi jenis sekolah, dapatan kajian menunjukkan guru novis yang ditempatkan di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) lebih banyak menghadapi masalah mendapatkan sistem sokongan tugasan luar bidang pengajaran ini serta untuk mendapatkan kerjasama staf dan pelajar sendiri dalam proses P&P. Perkara ini tidak berlaku pada guru novis yang ditempatkan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas (SMPK) kerana mereka lebih banyak menghadapi masalah untuk mendapatkan sokongan daripada aspek pentadbiran dalam perlaksanaan P&P.

Dapatan berkaitan masalah yang dihadapi oleh guru novis terutama dari segi jenis sekolah yang disebut perlu mencari kaedah yang sesuai dalam menangani masalah yang dihadapi oleh guru novis terutama dalam aspek untuk mendapatkan bantuan daripada individu yang paling hampir dengan mereka di sekolah. Satu unit sekolah dianggap sebagai satu unit keluarga, sikap bantu membantu, tolong menolong perlu ditanamkan dalam sanubari semua guru tidak kira mana mereka ditempatkan. Ketiadaan sistem sokongan boleh menyukarkan

guru-guru novis mengajar pelajar-pelajar tersebut secara berkesan dan cemerlang.

### **Masalah Mendapatkan Sokongan Staf**

Keputusan kajian mendapati guru-guru novis di setiap negeri menghadapi masalah dari segi mendapatkan sokongan untuk tujuan pembangunan staf, tugas luar bidang, sokongan staf dan sokongan pentadbiran. Negeri Perak didapati mempunyai masalah yang lebih ketara berbanding dengan negeri lain. Pihak JPN perlu sentiasa memantau perkembangan bagi setiap sekolah di bawah jajahan mereka untuk memastikan keberkesanan pengajaran oleh guru novis terutama dalam aspek mendapatkan sistem sokongan dari pelbagai sudut.

### **Masalah Kelulusan Ikhtisas**

Kajian juga menunjukkan guru novis dari kelulusan ikhtisas Sarjana Pendidikan Teknikal menghadapi lebih banyak masalah mendapatkan sokongan dari aspek kesemua subskala tersebut. Adakah mereka ini gagal mendapatkan sokongan daripada pelbagai aspek apabila diminta sokongan itu atau tidak mahu meminta sokongan seperti apa yang sepatutnya dilakukan oleh seorang guru novis?

### **Masalah Umur**

Dari aspek umur, didapati guru novis yang berumur dalam lingkungan 26 – 30 tahun lebih banyak menghadapi masalah mendapatkan sokongan staf untuk tujuan P&P berbanding dengan guru novis dari lingkungan umur yang lain. Mereka yang berada di tahun kedua profesi perguruan didapati lebih ketara masalahnya di mana mereka kurang mendapatkan sokongan daripada guru-guru berpengalaman atau pihak pentadbiran di sekolah, terutamanya tentang tugas luar bidang pengajaran.

### **KESIMPULAN**

Dengan wujudnya masalah yang telah dapat dikenal pasti dalam kajian ini terutama dalam konstruk sistem sokongan berdasarkan kepada beberapa faktor boleh ubah bersandar, satu Model Latihan Guru Novis diharapkan dapat dirangka untuk diguna pakai oleh pihak pentadbir sekolah dan oleh pihak JPN dalam usaha untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh guru novis dimana sahaja mereka berada. Diharapkan dengan minat yang tinggi pada profesi perguruan yang wujud pada guru novis, sistem sokongan daripada semua konstruk bukan penghalang utama kepada guru-guru novis untuk mereka meneruskan cita-cita untuk mendidik anak bangsa.